

**KETERANCAMAN BAHASA IBUNDA ETNIK  
LUNDAYEH: KAJIAN STRUKTUR KOSA KATA  
ARKAIK DALAM GENRE *UYU***



**FRANK DAWAT YUSIA**

**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**KETERANCAMAN BAHASA IBUNDA ETNIK  
LUNDAYEH: KAJIAN STRUKTUR KOSA KATA  
ARKAIK DALAM GENRE *UYU***

**FRANK DAWAT YUSIA**



**TESIS INI DIKEMUKAKAN UNTUK MEMENUHI  
KEPERLUAN PENGIJAZAHAN  
IJAZAH SARJANA SASTERA**

**PUSAT PENATARAN ILMU DAN BAHASA  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH  
2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA SABAH**

**BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS**

JUDUL : **KETERANCAMAN BAHASA IBUNDA ETNIK LUNDAYEH: KAJIAN STRUKTUR KOSA KATA ARKAIK DALAM GENRE *UYU***

IJAZAH : **SARJANA SASTERA**

BIDANG : **LINGUISTIK**

Saya **FRANK DAWAT YUSIA** Sesi **2019-2023**, mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi.
4. Sila tandakan ( / ):

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat TERHAD yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan Oleh,

---

**FRANK DAWAT YUSIA**  
**MU1911006T**

---

(Tandatangan Pustakawan)

Tarikh :

---

(Dr. Kavitha Ganesan)  
Penyelia Utama

## **PENGAKUAN**

Karya ini adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan, ringkasan, dan rujukan yang tiap-tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya.

11 April 2023

---

Frank Dawat Yusia  
MU1911006T



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## PENGESAHAN

NAMA : **FRANK DAWAT YUSIA**  
NO. MATRIK : **MU1911006T**  
TAJUK : **KETERANCAMAN BAHASA IBUNDA ETNIK LUNDAYEH:  
KAJIAN STRUKTUR KOSA KATA ARKAIK DALAM GENRE  
UYU**  
IJAZAH : **SARJANA SASTERA**  
BIDANG : **LINGUISTIK**  
TARIKH VIVA : **11 APRIL 2023**

**DISAHKAN OLEH;**



**1. PENYELIA UTAMA**  
Dr Kavitha Ganesan

Tandatangan  
**UMMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**2. PENYELIA BERSAMA**  
Prof Madya Dr. Jane Wong Kon Lin

**3. PENYELIA BERSAMA**  
Prof Madya Dr. Anantha Raman Govindasamy

## PENGHARGAAN

Pertama sekali, saya ingin memanjatkan rasa syukur kepada Tuhan yang maha Esa, kerana dengan izinnya, akhirnya penulisan tesis ini dapat disiapkan.

Seterusnya, penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga khas kepada penyelia saya, Dr. Kavitha Ganesan, Prof Madya Dr. Jane Wong Kon Ling dan Prof Madya Dr. Anantha Raman Govindasamy untuk layanan, bimbingan dan tunjuk ajar yang tidak henti-henti sepanjang pengajian ini.

Kepada semua responden yang telah menjayakan kajian ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua kerana tanpa kerjasama yang diberikan sudah pasti kajian ini tidak dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Begitu juga kepada informan utama kajian ini, saya ingin mengucapkan terima kasih atas segala makluman dan bantuan yang diberikan. Antaranya adalah Ricky Yakub Ganang, Dawat Langub, Peter Rining, Nayung Tengko, Ladu Balang, Noh Dawa, Udan Padan, Naman Pengiran, Yusten Kalurus dan yang ramai lagi yang saya tidak sempat nyatakan.

Terima kasih saya ucapkan kepada kakitangan Perpustakaan UMS, Perpustakaan Negeri Sabah, Arkib Negeri Sabah, IFGF Sipitang dan SK Meligan kerana mempermudah segala urusan sepanjang pengajian ini.

Ucapan terima kasih saya ucapkan kepada Kementerian Pengajian Tinggi sebagai penaja untuk kajian ini. Penyelidikan ini telah dijalankan dibawah Geran FRG/1/2018/WAB06/UMS/02/1 Lundayeh Oral tradition: Gendered sounds and the changing cultural landscape of Ulu Padas, Sabah.

Akhir kata, terima kasih yang tidak terhingga kepada semua ahli keluarga dan rakan-rakan yang telah membantu dan berkorban masa, tenaga, wang ringgit dan juga menyokong dalam doa. Semoga segala kebaikan dan pertolongan yang diberikan mendapat balasan dari yang Maha Esa.

Sekian, terima kasih.

Frank Dawat Yusia  
11 April 2023

## ABSTRAK

Dewasa ini isu kepupusan dan keterancaman bahasa mulai menjadi perhatian umum. Ethnologue (2017), melalui kajian yang dilakukan oleh Summer Institute of Linguistics (SIL) bersama Universiti Malaysia Sabah telah mengkategorikan kebanyakan bahasa-bahasa etnik minoriti di Sabah berada pada tahap 6B (terancam) mengikut skala *Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale* (EGIDS). Oleh itu, kajian ini dilakukan untuk melihat keterancaman bahasa ibunda etnik Lundayeh (salah satu etnik minoriti Sabah) melalui kajian struktur kosa kata arkaik dari sebuah *uyu naso anak delei* (Lagu dodoian anak) yang masih dipraktikkan. Metodologi kajian ini ialah disiplin ilmu linguistik dengan kaedah kualitatif. Teori kajian adalah teori hakisan leksikel oleh Nancy Dorian (2013). Kerangka kerja tersebut digunakan bagi meneliti kehilangan dan pengurangan sumber leksikel bahasa ibunda etnik Lundayeh dikalangan tiga generasi responden etnik Lundayeh di Long Pasia. Tatacara kajian dan proses mengumpul data dilakukan melalui pemerhatian, temubual struktur separa, soal selidik dan bercerita dengan menggunakan borang soalan temubual, alat perakam, buku catatan dan komputer untuk mendapatkan data kajian. Responden terdiri dari tiga generasi iaitu remaja, ibubapa dan datuknenek, dengan umur yang berbeza-beza. Golongan tua dipilih bagi mengekalkan keaslian bahasa, gabungan lelaki dan perempuan, tinggal lama di lokasi kajian dan pemilihan lokasi kajian adalah di tempat yang terpencil, yang kurang mendapat pengaruh luar disamping sosioekonomi yang homogeneous. Pengkaji telah melakukan semakan bersilang dengan kamus Bahasa Lundayeh terkini (Ganang, 2009) dan juga dengan menggunakan data dari responden kajian bagi mengenalpasti kosa kata arkaik dan struktur bagi kosa kata arkaik terpilih. Sebagai rumusan, pengkaji mendapati bahasa ibunda etnik Lundayeh sudah mengalami hakisan leksikel. 5 daripada 9 kosa kata arkaik di dapati sudah berkurang atau hilang daripada perbendaharaan kata penutur. Pengurangan tersebut disebabkan perubahan bahasa, peralihanbahasa dan tidak digunakan atau penurunan yang tidak lengkap. Kosa kata itu ialah *agung*, *ruseg*, *arang*, *safug*, dan *lang*. Dapatan kajian ini penting dan bermanfaat dari aspek teori dan praktikal, yang boleh dimanfaatkan untuk kajian pada masa akan datang.

Kata Kunci: Etnik Lundayeh, uyu, Kosa kata arkaik, Struktur kosa kata, Hakisan leksikel

## **ABSTRACT**

### **PROFICIENCY OF LUNDAYEH ETHNIC NATIVE LANGUAGE: STUDY OF ARCHAIC VOCABULARY STRUCTURE IN THE UYU GENRE**

*The threat and extinct faced by native languages continue to gain global attention. The findings of Ethnologue (2017) through researches conducted by the Summer Institute of Linguistics (SIL) in collaboration with Universiti Malaysia Sabah has categorized numerous indigenous languages in Sabah at Level 6B (Threatened) based on the Expanded Graded Intergenerational Disruption Scale (EGIDS). It is for this reason that this study examines the threat faced by the indigenous Lundayeh language (one of the ethnic minorities in Sabah) through an investigation of the archaic words extracted from uyu naso anak delei (a lullaby) that is still widely sung and practiced among members of the community. This is a qualitative study that is situated within the field of linguistics. Nancy Dorian's conceptualization of lexical erosion (2013) is used in this thesis to examine the reduced use and loss of lexical resources in the Lundayeh mother tongue across three generations who live in the remote heartland of Long Pasia, Sabah. Observations, semi-structured interviews, questionnaire, and group discussions were conducted using interview questions, recorders, notebooks, and computers to collect, document, and store the data. The respondents of this study are from three generations, namely, teenagers, parents, and grandparents from varying age groups. The older (grandparents') generation was chosen in order to study the retention of the original use of the indigenous language. Likewise, both male and female respondents, as well as people who have long resided in the location, which is relatively isolated and is less exposed to external influence with a homogenous socioeconomic background, were chosen to examine lexical erosion to study the variation between speakers. Data triangulation, also known as a multi-integrated method, was employed in this study where a cross-check of the archaic words was conducted using the most recent Lundayeh Dictionary (Ganang, 2009) against the data obtained from the respondents. By identifying the archaic words and their structures, this study found that lexical erosion has begun among the Lundayeh natives in their heartland. Five out of nine words identified as archaic have undergone lexical erosion and loss due to language choice, language shift, language transition as well as incomplete transfer from one generation to another. The five words are: agung, ruseg, arang, safug, and lang. It is hoped that through this study future researches will benefit from both theoretical and practical significances.*

*Keywords: Lundayeh, uyu, archaic words, archaic word structure, lexical erosion*



# SENARAI KANDUNGAN

	Halaman
<b>TAJUK</b>	i
<b>PENGAKUAN</b>	ii
<b>PENGESAHAN</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	iv
<b>ABSTRAK</b>	v
<b><i>ABSTRACT</i></b>	vi
<b>SENARAI KANDUNGAN</b>	vii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xiv
<b>SENARAI GAMBAR</b>	xv
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvi
<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xvii

## **BAB 1: PENGENALAN**

1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.1.1	Lundayeh	2
1.1.2	Kata Arkaik	10
1.1.3	Sastera Lisan Etnik Lundayeh	12
1.2	Pernyataan Masalah	15
1.3	Objektif Kajian	15

1.4	Persoalan Kajian	16
1.5	Kepentingan Kajian	16
1.6	Skop Kajian	17
1.7	Limitasi Kajian	21
1.8	Definisi Konseptual	23
1.8.1	Lundayeh	23
1.8.2	Kata Arkaik	24
1.8.3	Sastera Lisan @ Buek	25
1.8.4	Kajian	27
1.8.5	Kerangka Kerja	27
1.8.6	Sumber Rujukan Kajian	30
1.9	Kesimpulan	32
<b>BAB 2: SOROTAN LITERATUR</b>		
2.1	Pengenalan	34
2.2	Kepupusan dan Keterancaman Bahasa	34
2.2.1	Keterancaman dan Kepupusan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat Peribumi di Negara-Negara Luar yang Mendiami Kawasan Terpencil	36
2.2.2	Keterancaman dan Kepupusan Bahasa dalam Kalangan Masyarakat di Borneo dan Semenanjung Malaysia	38
2.2.3	Keterancaman dan Kepupusan Bahasa dalam Kalangan Etnik Lundayeh	41

2.3	Kajian Lepas tentang Etnik Lundayeh	46
2.3.1	Kepelbagaian Aspek Kehidupan Etnik Lundayeh	46
2.3.2	Kajian tentang Sastera Lisan Etnik Lundayeh	55
2.4	Kajian Lepas tentang Kosa Kata Arkaik	63
2.4.1	Definisi Kosa Kata Arkaik berdasarkan Para Linguistik	63
2.4.2	Definisi Kosa Kata Arkaik Berdasarkan Rujukan Leksikal	67
2.5	Teori Berkaitan Kajian Bahasa	68
2.5.1	Kajian Bersifat Linguistik dengan Teori Hakisan Leksikel Dorian (2013)	69
2.7	Kesimpulan	69
		
<b>BAB 3: METODOLOGI KAJIAN</b>		
3.1	Pengenalan	72
3.2	Reka Bentuk Kajian	74
3.2.1	Kerangka Teori	79
3.2.2	Kerangka Konsep	82
3.2.3	Kaedah Kajian	83
3.2.4	Lokasi Kajian	83
3.2.5	Populasi dan Sampel	84
3.3	Instrumen Kajian	85
3.4	Tatacara Kajian dan Proses Pengumpulan Data	86
3.4.1	Pemerhatian	86

3.4.2	Kajian Rintis	89
3.4.3	Temu bual Separa Berstruktur	89
3.4.4	Perpustakaan	90
3.4.5	Internet	91
3.7	Analisis Data	92
3.8	Pemilihan Sastera Lisan atau Korpus Kajian	94
3.9	Kesimpulan	95

#### **BAB 4: ANALISIS KAJIAN**

4.1	Pendahuluan	96
4.2	Analisis Demografi Responden	97
4.3	<i>Uyu'</i> yang Masih Diamalkan oleh Masyarakat Lundayeh	101
4.4	Kosa Kata Arkaik dalam Uyu Terpilih	109
4.5	Struktur, Bentuk dan Golongan Kata bagi 9 Kosa Kata Arkaik Terpilih	118
4.6	Hakisan leksikel bagi 9 kosa kata arkaik terpilih	132
4.7	Kesimpulan	150

#### **BAB 5: RUMUSAN**


5.1	Pendahuluan	153
5.2	Rumusan Kajian	153
5.3	Cadangan Kajian akan Datang	159
5.4	Kesimpulan	160

**RUJUKAN**

163

**LAMPIRAN**

174



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH


## SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 3.1 : Reka bentuk kajian Kualitatif dan Persoalan Utama terhadap Reka Bentuk Kajian	74
Jadual 3.2 : Borang Pemerhatian	88
Jadual 3.3 : Borang Temu bual	90
Jadual 4.1 : Analisis Demografi Responden Kajian	99
Jadual 4.2 : <i>Uyu</i> paling Diketahui Berdasarkan Terbitan	102
Jadual 4.3 : <i>Uyu</i> paling Diketahui Berdasarkan Responden	103
Jadual 4.4 : Hasil terjemahan UNAD ke Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris	108
Jadual 4.5 : Senarai Kosa Kata Arkaik dari UNAD semakan dengan Lundayeh Dictionary (2009)	111
Jadual 4.6 : Borang Rumusan Kajian KKA dari UNAD di kalangan Responden di Long Pasia (2019-2022)	114
Jadual 4.7 : Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata Arkaik Terpilih	119
Jadual 4.8 : Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Teriti</i>	121
Jadual 4.9 : Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Agung</i>	122
Jadual 4.10 : Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Arang</i>	123
Jadual 4.11 : Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Silatuk</i>	124

Jadual 4.12	: Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Ruseg</i>	125
Jadual 4.13	: Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Lang</i>	126
Jadual 4.14	: Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Safug</i>	127
Jadual 4.15	: Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Tamam</i>	127
Jadual 4.16	: Struktur, Bentuk dan Golongan Kata Kosa Kata <i>Tinam</i>	128
Jadual 4.17	: Bilangan Kosa Kata dalam UNAD mengikut Jenis Golongan Kata Tatabahasa Dewan ed. Ketiga (2008)	130
Jadual 4.18	: Senarai Kosa Kata UNAD mengikut Jenis Golongan Kata Tatabahasa Dewan ed. Ketiga (2008)	130
Jadual 4.19	: Jadual Respon dari 50 Orang Responden di Long Pasia tentang Hakisan Leksikel 9 Kosa Kata Arkaik	140
Jadual 4.20	: Jadual Respon Responden mengikut Susunan dari Generasi 1: Remaja, 2: Iubapa dan 3: Datuk Nenek di Long Pasia	142
Jadual 4.21	: Jadual Respon Responden bagi Generasi 3: Datuk Nenek di Long Pasia	144
Jadual 4.22	: Jadual Respon Responden bagi generasi 2: Ibu Bapa di Long Pasia	145
Jadual 4.23	: Jadual Respon Responden bagi Generasi 1: Remaja di Long Pasia	146

## SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1 : Lokasi Kawasan Kajian iaitu Long Pasia, Terletak di Bahagian Selatan Bandar Sipitang, Sabah	18
Rajah 3.1 : Model Triadik Pierce (1839-1914)	82



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH



## SENARAI GAMBAR

	Halaman
Gambar 1.1 : Gambar Ibu dan Anak Etnik Lundayeh yang Memakai Baju Tradisi di Long Pasia	2
Gambar 1.2 : Pemandangan Kampung Long Pasia Terletak Lebih Kurang 124 km dari Pekan Sipitang, Terletak Di Sebelah Barat Daya Sabah yang Menghala ke Selatan dari Bandar Sipitang	18
Gambar 1.3 : Keadaan Sebahagian Jalan SFI yang Digunakan Penduduk Long Pasia	19
Gambar 1.4 : Pengangkutan Air Juga Digunakan di Long Pasia ke Kawasan Kebun dan Beberapa Tempat di Sekitar Kampung Long Pasia	20
Gambar 4.1 : Ricky Yakub Ganang Seorang Penulis dan Pengkaji Sastera Lisan Lundayeh	105
Gambar 4.2 : Kosa Kata Arkaik dengan Tanda [<archaic>]	107

## SENARAI SINGKATAN

- GRA** - Graduate Research Assistan
- SM** - Sebelum Masihi
- PELSA** - Persatuan Lundayeh Sabah
- PKLS** - Persatuan Kebudayaan Lundayeh Sabah
- BEM** - Borneo Evavngelical Mission
- GIDS** - Expanded Graded Intergeneration Disruption Scale
- SFI** - Sabah Forest Industry
- SIL** - Summer Institut Of Linguistic
- SMD** - Sabah Malay Dialect
- KKA** - Kosa Kata Arkaik
- UNAD** - Uyu Naso Anak Delei



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## SENARAI LAMPIRAN

	Halaman
Lampiran A : Expanded Graded Intergeneration Disruption Scale (GIDS)	174
Lampiran B : Instrumen Kajian	176
Lampiran C : Data (teks) Uyu Naso Anak Delei (UNAD) 4 rangkap	182
Lampiran D : Demografi Responden Kajian	183



UMS  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

# BAB 1

## Pengenalan

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bab ini akan dimulakan dengan memberi penjelasan tentang latar belakang kajian yang meliputi penjelasan tentang etnik Lundayeh, kosa kata arkaik dan sastera lisan Lundayeh. Perkara yang berkaitan dengan etnik Lundayeh yang akan dijelaskan adalah, berkenaan dengan sejarah asal usul dan penghijrahan etnik ini sehingga akhirnya menjadi etnik lokal yang dikenali dengan nama "Lundayeh". Walaupun dikenali dengan nama yang berlainan di beberapa wilayah atau negara, namun dapat dikenali sebagai satu etnik yang sama melalui bahasa yang digunakan iaitu bahasa Lundayeh.

Namun untuk kajian ini, isu bahasa yang menjadi fokus kajian adalah kosa kata arkaik. Kosa kata yang terancam dan mungkin sudah mati atau tidak digunakan lagi dikalangan penutur. Keterancaman dan kepupusan bahasa ini berlaku khususnya kepada bahasa etnik minoriti seperti yang dinyatakan oleh Ethnologue (2017), bahawa rata-rata bahasa ibunda tempatan Sabah berada pada tahap 6B iaitu berada pada paras terancam. Oleh itu, pengkaji akan mengkaji, sejauh mana tahap keterancaman bahasa telah berlaku kepada responden kajian. Kajian ini menggunakan *buek* atau sastera lisan etnik Lundayeh sebagai data kajian.

Justifikasi memilih *buek* sebagai sumber kajian adalah, Jayl Langub (1992) menyatakan untuk menemukan perbendaharaan kata khusus dan kuno (arkaik) ini, itu boleh ditemukan dalam *buek* yang diperturunkan dari turun-temurun oleh nenek moyang. Namun, bagi kajian permulaan ini, pengkaji akan menggunakan hanya

salah satu *buek*, yang disebut *uyu*. Pemilihan *uyu* sebagai sumber kajian oleh sebab popularitinya atau kerana masih dipraktikkan dan dikenali umum. *Uyu* merupakan salah satu genre dari pelbagai genre *buek* etnik Lundayeh, seperti yang dijelaskan dalam Inventori Budaya Etnik Negeri Sabah Etnik Lundayeh (2016). Penerangan tentang genre *buek* atau sastera lisan akan dijelaskan dengan lebih lanjut dalam bab 2 dan 3.

### 1.1.1 Etnik Lundayeh

Sebagai pengenalan tentang etnik Lundayeh, pengkaji telah memetik beberapa kajian lepas yang dibuat ke atas etnik ini, di samping dapatan semasa kajian di lapangan. Penerangan yang dibuat berkisar tentang asal-usul, status dan identiti etnik Lundayeh sehingga menjadi sebuah etnik label iaitu LUNDAYEH. Satu label yang diterima umum merujuk kepada salah satu sub-etnik yang ada di Sabah .



**Gambar 1.1 : Gambar ibu dan anak etnik Lundayeh yang memakai baju tradisi di Long Pasia**

Sumber : Kajian lapangan (2020)<sup>1</sup>

---

<sup>1</sup> Projek dibawah geran yang di taja dibawah Kementerian Pengajian Tinggi FRGS/1/2018/WAB06/UMS/02/1, dan pengkaji sebagai Graduate Research Assistance (GRA) selama 2 tahun (2019 - 2021).

Joisin, Denis dan Fiona (2016) menyatakan bahawa, berdasarkan kajian tentang etnik Negeri Sabah oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah pada tahun (2007), Lundayeh merupakan nama yang diberikan kepada salah satu suku kaum peribumi di Sabah. Lundayeh merupakan salah satu daripada 35 etnik yang terdapat di Negeri Sabah yang dikenali sebagai Dayak di Indonesia dan Lun Bawang di Sarawak dan Brunei. Bilangan penduduk etnik ini dianggarkan seramai 9,000 hingga 10,000 orang dan majoriti daripada mereka menetap di kawasan pedalaman Negeri Sabah iaitu di Daerah Sipitang, Daerah Tenom dan Keningau selain itu, terdapat juga sebahagian kecil menetap berselerak di beberapa daerah-daerah lain seperti Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Topp (2006) pula memberi penerangan tentang etnik ini dari perspektif yang berbeza. Menurutnya, dari cerita asal usul yang diperturunkan dari generasi ke generasi, etnik Lundayeh berasal daripada dua biji *terur eco* (telur matahari) yang telah jatuh di Pa' Kerorop, satu lembah di Pa' Kemaluh dalam Daerah Krayan, Kalimantan Utara. Impak dari kejatuhan telur itu menyebabkannya pecah. Dari telur itu keluarlah sosok manusia, dari telur pertama ialah seorang lelaki yang di panggil Rang Dungo dan dari telur kedua ialah seorang perempuan yang di panggil Terur Eco. Setelah membesar mereka menjadi suami isteri dan dari keturunan merekalah dikatakan terbentuk etnik Lundayeh yang ada sehingga pada masa kini.

Istilah Lundayeh telah digunakan sejak berkurun lamanya, dan telah mengalami perubahan baik dari segi ejaan dan sebutan terutamanya oleh penulis barat, ahli-ahli pengkaji sains sosial dan oleh etnik-etnik lain. Antaranya ialah, *Lun Dayeh, Lun Daye, Lun Dayah, Lun Dayoh, Lun Daya, Lun Lod, Lun Nan Ba', Murut Lun Daya, Dayak dan Lun Bawang*. Namun, menurut Hoare, (2002) istilah Lundayeh yang dipilih merupakan "*ethnic self-referrent*" dan bukan diberikan oleh orang luar. Pada tahun 1970-an, nama Lundayeh telah sebatikan dan diterima oleh masyarakat sebagai salah satu nama etnik bumiputera Anak Negeri yang ada di Sabah. Nama yang pada asalnya dieja dalam dua perkataan "Lun Dayeh" akhirnya diubah menjadi satu perkataan iaitu "Lundayeh" yang digunapakai sehingga kini. Pada masa kini, majoriti etnik Lundayeh menetap di Daerah, Sipitang, Tenom,

Keningau dan Beaufort, dan sebahagian kecil berselerak di daerah-daerah lain seluruh Sabah.

S.M.D Robert (2008) pula menyatakan, suku kaum Lundayeh kurang dikenali kerana ramai menganggap Lundayeh adalah Murut. Tidak hairanlah muncul pelbagai sebutan seperti "Lun Dayu", "Lun Daya", "Lan Dayu", "Lun Daye", "Lun Dayoh" dan sebagainya yang merujuk kepada suku kaum Lundayeh. Dari segi bunyi, Lundayeh disebut [lundayəh]. Suku kaum Lundayeh dikenali juga dengan nama Lun Bawang (di Sarawak dan Brunei Darussalam) yang merupakan penduduk etnik peribumi yang terawal menduduki Kepulauan Borneo. Pada tahun-tahun sebelum 1960, suku kaum Lundayeh atau Lun Bawang dilabelkan dengan nama Murut. Seperti yang dinyatakan beberapa penulis awal seperti Pollard (1933; 1935), Southwell (1949), Crain (1974; 1978) dan Deegan (1973). Menurut Prentice, D.J (1965), istilah Murut banyak menimbulkan kekeliruan, kerana ada pendapat yang menyatakan bahawa, di Pulau Borneo terdapat dua kumpulan orang Murut. Satu kumpulan bernama Murut Sarawak yang dikenali sebagai Lun Bawang, yang tinggal di Sarawak dan dikenal sebagai Lundayeh di Sabah, manakala satu kumpulan lagi digelar Murut Sabah dan dikenali sebagai Tagal di Sarawak.

Bala (1993), menyatakan label Lun Bawang pada asalnya muncul daripada satu pertikaian klasifikasi Murut yang digunakan di Sabah dan Sarawak. Di Sabah, istilah itu dirujuk kepada suku-suku kaum seperti Timogun, Nabai, Baukon, Paluan, Sumambuq, Alumbis dan Tagal atau Tagol (Idahan Murut). Manakala di Sarawak, label ini merujuk kepada Lun Bawang atau Tagal. Di samping pendeskripsian etnik Murut oleh Prentice D.J., ditemui juga identifikasi lain untuk merujuk etnik yang sama. Menurut Langub dalam Ipoi Datan (1989:143):

*Murut is used by outsiders as an ethnic term of reference for the people who consider themselves as Lun Bawang. However, the Lun Bawang use several other labels such as Lun Dayeh, Lun Lod, Lun Ba, Lun Tana Luun and Lun Bawang as terms of self-reference.*

Terdapat dua persamaan kod rujukan etnik ini berdasarkan kajian Ipoi Datan dan Crain (1974) iaitu etnik yang disebut Lun Bawang dan Lun Dayeh. Crain yang memetik kajian Prentice D.J. dalam Ipoi Datan (1989:143) berhubung dengan identifikasi etnik ini di Sabah telah menyebut bahawa:

*"Murut" is used by outsiders to refer to a varied assortment of mountain peoples in northern Sarawak and the interior district of Sabah. In Sabah, "Murut" is used as an ethnic term of reference for groups known as Timungon, Nabay, Baukan, Paluan, Sumambuq and Alumbis (Prentice 1972) and in Sarawak the people who call themselves Lun Bawang and sometimes Lun Dayeh.*

Jadi semua dapatan daripada kajian awal tentang asal-usul dan era kedatangan orang Lundayeh ke Kepulauan Borneo adalah berkaitan secara langsung dengan suku kaum Murut meskipun dari segi bahasa kedua-dua suku kaum peribumi Sabah ini tidak ada persamaan leksikal. Kajian Crain (1978) menyatakan berdasarkan *Department of Statistics, Malaysian Population Report*, (1980) bahawa Lun Dayeh atau Lun Bawang telah ditemui di Kepulauan Borneo dengan populasi sekitar 25,000 di Kalimantan, 2,000 di Sabah, 300 atau lebih di Brunei dan 10,000 di Sarawak. Menurut Balang and Harrisson (1949), Harrisson (1959), Le Bar (1972), di Kalimantan Timur, suku kaum ini ditemui di sekitar Bahau dan Mentarang, Kemaloh, Paya dan Sungai Sesayap. Di Sabah, mereka tertumpu di kawasan Ulu Padas dan Mengalong. Di Brunei, mereka tertumpu di kawasan Temburong dan Pandaruan, manakala di Sarawak, suku kaum ini terdapat di Lawas dan Limbang dalam Bahagian Kelima.

Mat Zin Mat Kib (2003), menyatakan bahawa kira-kira 15,000 hingga 20,000 tahun yang lalu telah berlaku penghijrahan penduduk dari bahagian selatan Negara China ke Asia Tenggara dan kawasan pesisirnya, termasuklah ke Pulau Borneo. Antara mereka yang berpindah dari benua Asia ini sejak 1,500 hingga 1,000 SM terdiri daripada kumpulan etnik yang pada hari ini disebut "Dusun" dan "Murut". Berdasarkan fakta inilah kelompok Dusun dan Murut dikatakan dua kelompok yang paling awal berada di Sabah. Kelompok ini secara umumnya disebut Melayu Proto dalam Bellwood (1985) dan Collins (1998). Tom Harrison (1959) dan S.Runciman